

DATE : 15 FEB 2018
PUBLICATION : UTUSAN MALAYSIA
SECTION : BISNES
HEADLINE : SERBA DINAMIK PEROLEH KONTRAK RM830.9J
CATEGORY : COMPANY
MEASUREMENT : 49CM²
TONE : NEUTRAL
REMARKS : NIL

Serba Dinamik peroleh kontrak RM830.9j

KUALA LUMPUR 14 Feb. - Serba Dinamik Holdings Berhad melalui anak syarikat milik penuhnya Serba Dinamik Sdn. Bhd. (SDSB) dan Serba Dinamik International Ltd. (SDIL) berjaya memperoleh tujuh kontrak dengan nilai keseluruhan hampir RM830.9 juta.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Serba Dinamik Holdings, Datuk Dr. Ir. Mohd. Abdul Karim Abdullah berkata, SDSB mendapat dua kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC) serta empat kontrak operasi dan penyelenggaraan (O&M).

Menurut beliau, kontrak EPCC diterima daripada Maju Renewable Energy Sdn. Bhd., Maju RE (Talang) Sdn. Bhd., Maju RE (Temenggor) Sdn. Bhd. dan Green & Smart

Sdn. Bhd..

“Kesemua projek EPCC adalah untuk kerja-kerja di sekitar Perak bagi tempoh Februari hingga Mac 2020.

“Antara bidang tugas SDSB adalah menyediakan pembangunan EPCC di tiga buah tapak janakuasa serta membekal, mereka bentuk, menghantar, memasang, menguji dan pentauliahan tapak tenaga gas asli di Teluk Intan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambah Mohd. Abdul Karim, syarikat yang sama juga turut menganugerahkan kontrak O&M bagi perkhidmatan penyelenggaraan untuk tiga tapak janakuasa berkenaan bermula April 2020 hingga



MOHD. ABDUL KARIM

Mac 2041.

Jelasnya, kontrak-kontrak O&M lain diterima daripada Asean Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd., Petronas Dagangan Berhad dan Petronas Chemicals LDPE Sdn. Bhd..

“SDIL menerima satu kontrak O&M daripada Chevron Indonesia bagi kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan set janakuasa bergerak di Kalimantan, Indonesia sehingga November 2019.

“Kami menghargai keyakinan yang ditunjukkan para pelanggan dengan penganugerahan kontrak ini dan percaya ia membantu dalam mengukuhkan lagi prestasi kewangan tahun semasa syarikat,” ujarnya.